

## IKLAN JAWATAN NAIB CANSOLOR

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa calon-calon yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Naib Canselor, UNIMAS. Maklumat jawatan adalah seperti berikut:

Jawatan	:	Naib Canselor
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	:	Gred Utama A (VU5) Terbuka
Kaedah Pengisian	:	Pertukaran Sementara/Peminjaman/Kontrak
Jumlah Gaji	:	Mengikut Skim Perkhidmatan pegawai pihak Berkuasa Berkanun berkenaan (SPP Bil. 9 Tahun 2007) (RM9,038.00 – RM24,465.00)
Tempoh Lantikan	:	Tiga (3) Tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi)

### 1. KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

- i. Kecemerlangan Akademik**  
Mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasiat antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii. Pengiktirafan Antarabangsa**  
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus**  
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan akademik merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

**iv. Reputasi**

Menjadi *'role model'* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

**v. Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.

**vi. Berfikiran Jauh dan Kritis**

Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.

**vii. Berintegriti**

Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

**viii. Kapasiti Menjana Pendapatan**

Penyandang mestilah mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber secara optimum untuk menjana pendapatan Universiti.

**ix. Menghayati Agenda Nasional**

Penyandang perlu menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Penyandang juga perlu mampu untuk menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara dan agenda nasional.

## **2. SYARAT KELAYAKAN**

Tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Mempunyai kelayakan dan pengalaman iaitu sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf;
- ii. Menjalani Program Penilaian Bakat Kepimpinan Pendidikan Tinggi yang dikendalikan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT); dan
- iii. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

### 3. CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan rasmi;
- ii. *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap;
- iii. Ringkasan CV dan sekeping gambar terkini berukuran pasport (seperti di **Lampiran A**);
- iv. Salinan sijil;
- v. Kertas Cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek serta jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor; dan
- vi. Lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.

**Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:**

**PENDAFTAR  
PEJABAT PENDAFTAR  
ARAS 2, BANGUNAN CANSELORI  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
94300 KOTA SAMARAHAN  
SARAWAK  
Tel : 082-581091 Faks : 082-581168**

### 4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Sarawak di talian:

- i. **Haji Azlan bin Ramli**  
Pendaftar  
Tel : 082-581091  
Emel : [razlan@unimas.my](mailto:razlan@unimas.my)
- ii. **Encik Syahrizan Abang Monir**  
Penolong Pendaftar Kanan  
Tel : 082-581937  
Emel : [amsyahrizan@unimas.my](mailto:amsyahrizan@unimas.my)

### 5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **8 JULAI 2020 (RABU)**.

**RINGKASAN CURRICULUM VITAE (CV)**

Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
 Tarikh Lahir / Umur : \_\_\_\_\_  
 Tempat Lahir : \_\_\_\_\_  
 Nombor Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
 Jawatan Terkini : \_\_\_\_\_  
 Majikan : \_\_\_\_\_  
 Tarikh Persaraan Wajib : \_\_\_\_\_

GAMBAR PROFIL

**SEKSYEN A**

**A. KELAYAKAN AKADEMIK**

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	TAHUN	*BIDANG PENGKHUSUSAN	INSTITUSI
1	Ph.D			
2	Master			
3	Bachelor			
4	Diploma/ <i>Executive Training</i> dll			

**B. \*PENGALAMAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN UNIVERSITI**

(sila tandakan *✓* pada petak yang berkenaan)

- i. Naib Canselor  Tahun : \_\_\_\_\_
- ii. Timbalan Naib Canselor
- Akademik dan Antarabangsa  Tahun : \_\_\_\_\_
  - Penyelidikan dan Inovasi  Tahun : \_\_\_\_\_
  - Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  Tahun : \_\_\_\_\_
  - Jaringan Industri dan Masyarakat  Tahun : \_\_\_\_\_
  - Pembangunan  Tahun : \_\_\_\_\_
- iii. Penolong Naib Canselor  Tahun : \_\_\_\_\_
- iv. Pengarah  Tahun : \_\_\_\_\_
- v. Dekan  Tahun : \_\_\_\_\_
- vi. Timbalan Dekan  Tahun : \_\_\_\_\_
- vii. Timbalan Pengarah  Tahun : \_\_\_\_\_
- viii. Lain-lain, nyatakan:  Tahun : \_\_\_\_\_

*\*Boleh disediakan dalam bentuk Lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

**C. PELANTIKAN/PEMINJAMAN DI ORGANISASI ANTARABANGSA***(sila nyatakan)*

- i. \_\_\_\_\_ Tahun : \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_ Tahun : \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_ Tahun : \_\_\_\_\_

**D. PENCAPAIAN/PENGLIBATAN DALAM TEMPOH MEMEGANG JAWATAN PENTADBIRAN**

BIL	JAWATAN	PERINGKAT	
		NASIONAL <i>(projek berimpak tinggi)</i>	ANTARABANGSA <i>(projek berimpak tinggi)</i>
1	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)		
2	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)		
3	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)		
4	Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)		
5	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)		

**SEKSYEN B****A. PENCAPAIAN/PENGLIBATAN DALAM BIDANG AKADEMIK**

BIL	LAPANGAN AKADEMIK	AKTIVITI/PROGRAM/PROJEK/BILANGAN <i>(terpilih dalam tempoh tiga tahun terkini)</i>
1	Pengajaran/Latihan	
2	Pembimbing Pasca Siswazah/Pemeriksa	
3	Penyelidikan /Penerbitan	
4	Afiliasi Profesional	
5	Konsultansi	

**B. LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**

BIL	TAHUN	MARKAH
1		
2		
3		

*Bagi tiga (3) tahun terkini sahaja*